

Dr. M: Rakyat perlu bijak pilih kerajaan

UM 6 JUL 2002

JITRA 5 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakyat perlu bijak memilih kerajaan dan wakil rakyat kerana ia penting dalam memastikan nikmat pembangunan yang dikecapi sekarang dapat diteruskan.

Menurut Perdana Menteri, kesilapan membuat pilihan bukan sahaja akan merosakkan rancangan pembangunan negara tetapi juga akan menjerumuskan rakyat ke lembah kemiskinan seperti yang berlaku di beberapa negara lain.

Beliau berkata, hanya kerajaan yang berwibawa dan mampu menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan sahaja akan dapat membawa negara ke arah yang lebih gemilang.

“Apabila rakyat pandai, bijak memilih kerajaan, memilih wakil rakyat, kita dapat mendirikan kerajaan yang berwibawa, yang cekap, maka kita dapat nikmat daripadanya.

“Kalau ada kerajaan yang tak tahu urus kewangan, tak tahu jaga duit, kerajaan yang seperti itu akan hutang di sana sini kita biasa dengar tentang sebuah negara yang cukup kaya tapi hutang cukup banyak, akhirnya rakyat mereka tak dapat apa-apa nikmat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada upacara peletakan batu asas Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu di Paya Kemuning di sini, hari ini. Hadir sama ialah isteri beliau, Datin Seri Dr. Siti Hasnah Mohd. Ali.

Menurut Dr. Mahathir, rakyat Malaysia hari ini hidup dalam keadaan aman dan sejahtera kerana kerajaan berjaya membangunkan ekonomi negara dengan berkesan.

“Sebab itu kita lihat negara kita terus maju dan dapat dibangunkan, supaya pendapatan rakyat bertambah, peluang pekerjaan bertambah dan perniagaan juga bertambah,” katanya.

Tambah beliau, apabila rakyat semakin kaya, negara juga akan menikmati hasilnya kerana cukai yang dikenakan terhadap mereka dapat terus digunakan untuk pembangunan.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir, bagi menjamin ke-

adaan baik ini berterusan, setiap anggota masyarakat harus memastikan keharmonian yang berlaku sekarang berterusan.

“Untuk memajukan negara kita ini, kita perlu kepada keamanan, ketenteraman, kita perlu pada keadaan selamat dalam negara kita, kalau tak selamat mustahil peniaga-peniaga dapat berniaga dan dapat untung,” jelas beliau.

Menurut Perdana Menteri, keprihatinan terhadap pembangunan negara sehingga tiada siapa yang berani berkata bahawa kerajaan tidak memberi banyak kemudahan kepada mereka.

“Kita lihat semua kampung termasuk di Kubang Pasu ini, kemudahan cukup banyak, jalan tar, bekalan air, elektrik dan kita hidup selamat.

“Semua ini hasil daripada kecekapan rakyat memilih kerajaan mereka, kalau dia pilih yang salah percayalah kita akan dapat mala petaka sepanjang masa,” katanya.

Sambil mengakui rata-rata rakyat Malaysia bijak membuat pilihan, Perdana Menteri berkata, ada satu negeri terus berada dalam keadaan mundur kerana silap percaturan.

“Kalau kita pi tengok, kita berasa sedih keadaan seperti 50 tahun dulu, tak ada bangunan baru, tak ada pejabat baru, rakyat duduk dalam rumah yang masih dibuat dengan papan dan atap dan sebagainya,” katanya.

Berkeanaan dengan kompleks pentadbiran baru tersebut, beliau berkata, pembinaannya itu juga adalah nikmat pembangunan yang wajar diterima oleh penduduk-penduduk kawasan tersebut.

“Ini bertujuan bukan memberi kesenangan kepada pegawai sahaja, tetapi supaya rakyat yang mengurus dengan pegawai juga dapat layanan dan keadaan yang lebih selesa.

“Di Malaysia, semua orang berhak mendapat layanan yang sama, ini janji kita kepada rakyat dan kita tunai janji sedaya-upaya kita apabila negara kita menjadi makmur,” katanya merujuk kepada seluruh daerah di negara ini.